

Dua juta lagi penerima BR1M 3.0 dijangka terima bantuan paling lewat bulan depan
Astro Awani
1 Mac, 2014

KUALA LUMPUR: Kira-kira dua juta lagi penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia, BR1M 3.0 yang belum mendapat bantuan dijangka menerimanya selewat-lewatnya bulan depan.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan berkata, ia berikutan tempoh memproses kira-kira lapan juta permohonan yang berjaya terlalu singkat.

Tempoh proses bermula sejak tarikh tutup permohonan pada 31 Januari lepas sehingga tarikh dilancarkan pada 22 Februari lalu.

Kira-kira enam juta permohonan berjaya diselesaikan iaitu bagi pemohon awal yang terdahulu menyertakan nombor akaun mereka dan secara berperingkat.

Kerajaan memperuntukkan 4.6 bilion ringgit untuk penerima BR1M kali ini.

Ketika pemberian BR1M 1.0 pada 2012, sebanyak 4.18 juta isi rumah telah mendapat manfaat.

Jumlah itu meningkat kepada 4.81 juta isi rumah dan dua juta individu bujang ketika BR1M 2.0 pada 2013.

Sebanyak lima juta isi rumah dan 2 perpuluhan 4 juta individu bujang menerima habuan wang tunai pada pemberian BR1M kali ini.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).
Source: <http://www.astroawani.com/news/show/dua-juta-lagi-penerima-br1m-3-0-dijangka-terima-bantuan-paling-lewat-bulan-depan-31044?cp>